

PENGUASAAN KEMAHIRAN FIZIKAL PELAJAR PEKAK BIDANG TVET MELALUI PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN

Nur Shahirah Mohamed Nasir dan Nurul Aini Mohd Ahyan
Sekolah Pendidikan,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia.
Malaysia
* Corresponding author: nurshahirah1997@graduate.utm.my

ABSTRAK

Bidang TVET sering dikaitkan dengan pendidikan yang merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran secara praktikaliti. Bagi golongan pelajar pekak bidang ini, pembelajaran berasaskan pengalaman merupakan salah satu alternatif yang boleh dilaksanakan dalam usaha meningkatkan tahap penguasaan kemahiran fizikal mereka. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji penguasaan kemahiran fizikal pelajar pekak bidang TVET melalui pembelajaran berasaskan pengalaman dari empat tahap yang berbeza iaitu divergen, asimilator, konvergen dan akomodator. Kajian berbentuk pendekatan kuantitatif ini menggunakan instrumen soal selidik kepada 56 orang pelajar pekak dari seluruh semester di Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Bahru yang dipilih sebagai sampel kajian. Analisis deskriptif frekuensi, peratusan, dan min telah digunakan bagi mengenalpasti penguasaan kemahiran fizikal pelajar melalui empat tahap dari kaedah pembelajaran berasaskan pengalaman. Analisis inferensi ANOVA satu hala juga digunakan bagi melihat perbandingan penguasaan kemahiran fizikal pelajar pekak bidang TVET dari latar belakang pendidikan yang berbeza. Hasil kajian dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 27.0. Dapatan menunjukkan tahap divergen memperolehi min yang tertinggi pada tahap sederhana dalam penguasaan kemahiran fizikal melalui pembelajaran berasaskan pengalaman. Selain itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min penguasaan kemahiran fizikal pelajar dengan latar belakang pendidikan yang berbeza. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pihak berkepentingan dalam memberi tumpuan kepada tahap pembelajaran berasaskan pengalaman yang kurang didominasi oleh pelajar pekak bagi pemantapan kemahiran fizikal mereka.

KATA KUNCI

Kemahiran Fizikal, Pelajar Pekak, Bidang TVET, Pembelajaran Berasaskan Pengalaman

PENGENALAN

Sesetengah pelajar pekak atau kurang pendengaran (DHH) memerlukan usaha yang lebih keras dalam membangunkan kemahiran penyelesaian masalah. Ini boleh menghadkan kejayaan sesetengah pelajar dalam mengejar ijazah dan kerjaya dalam bidang TVET. Selalunya, pelajar pekak tidak memiliki tahap yang sama dalam pengetahuan konseptual seperti rakan tipikal yang lain. Ini menghadkan asas pengalaman pelajar pekak untuk menyelesaikan masalah kompleks (Dannels et al., 2016). Oleh yang demikian, kajian ini mengkaji tahap penguasaan kemahiran fizikal pelajar pekak bidang TVET melalui pendekatan pengajaran berasaskan pengalaman. Kajian ini akan merangkumi elemen kemahiran fizikal seperti masakan, jahitan dan sukan. Kajian ini juga akan membuat perbandingan tahap penguasaan kemahiran fizikal pelajar pekak bidang TVET melalui pembelajaran berasaskan pengalaman berdasarkan latar belakang pendidikan yang berbeza.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan yang digunakan untuk kajian ini ialah reka bentuk kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan (survey). Pengkaji telah menggunakan set soal kaji selidik yang diadaptasi daripada set soalan *Experiential Learning Student Surveys* (Walker & Rocconi, 2021). Tinjauan yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk tinjauan menggunakan borang soal selidik yang dilakukan secara bersemuka di Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Bahru dengan responden.

Bilangan keseluruhan populasi pelajar khas sijil kemahiran hotel dan katering, rekabentuk grafik, rekabentuk fesyen dan pakaian dari Politeknik Ibrahim Sultan, Johor adalah sebanyak 56 orang. Pengkaji telah menggunakan sepenuhnya populasi pelajar pekok di sana sebagai responden kajian ini.

Jadual 1: Populasi pelajar pekok mengikut kursus di Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Bahru

No.	Kursus (Sijil Kemahiran)	Bilangan Pelajar
1.	Rekabentuk Grafik	18
2.	Rekabentuk Fesyen dan Pakaian	19
3.	Hotel dan Katering	19
Jumlah		56

Instrumen kajian yang dipilih ialah *survey* atau kaedah soal selidik berbentuk tertutup yang terdiri daripada tiga bahagian. Pertama, Bahagian A iaitu demografi maklumat yang mengandungi tujuh item. Bahagian B pula terdiri dari 8 item berkenaan dengan tahap penguasaan masakan melalui pembelajaran berasaskan pengalaman dan bahagian C terdiri dari 8 item berkenaan dengan tahap penguasaan jahitan melalui pembelajaran berasaskan pengalaman.

Bahagian terakhir iaitu bahagian D ialah tahap penguasaan sukan melalui pembelajaran berasaskan pengalaman. Selain itu, pengkaji menggunakan skala *Likert* iaitu Sangat Tidak Setuju (1), Tidak Setuju (2), Setuju (3) dan Sangat Setuju (4) dan data dianalisis dalam statistik deskriptif dimana pengkaji mengkaji data secara peratusan, frekuensi serta menggunakan *Measure of Central Tendency* (MCT) atau Ukuran Kecenderungan Memusat iaitu min. Pengkaji juga menggunakan analisis inferensi iaitu ANOVA satu hala untuk membuat perbandingan antara demografi yang dipilih iaitu latar belakang pendidikan dengan pembolehubah bersandar iaitu tahap penguasaan kemahiran fizikal.

Jadual 2: Skala Likert

Skala	Interpretasi Tahap
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Setuju
4	Sangat Setuju


HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 3 menunjukkan purata min keseluruhan untuk setiap tahap dalam pembelajaran berasaskan pengalaman dan interpretasi untuk setiap min.

Jadual 3: Purata Min Keseluruhan Untuk Tahap Dalam Pembelajaran Berasaskan Pengalaman

Tahap	Min	Interpretasi
Divergen	3.04	Sederhana
Asimilator	2.96	Sederhana
Konvergen	2.91	Sederhana
Akomodator	2.91	Sederhana

Rajah 1 menunjukkan purata min keseluruhan dari ujian ANOVA satu hala bagi setiap latar belakang yang berbeza. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap min penguasaan kemahiran fizikal pelajar pekak dengan latar belakang pendidikan yang berbeza.



Rajah 1: Purata Min Keseluruhan Dari Ujian ANOVA Satu Hala

Pelajar lebih cenderung menggunakan elemen divergen dalam kaedah pembelajaran berasaskan pengalaman berbanding elemen asimilator, konvergen dan akomodator. Kebiasaan golongan ini menggunakan pergerakan anggota badan dalam berkomunikasi menjadikan proses pembelajaran lebih mudah difahami (Zulkifli et al., 2022). Ia berdasarkan penanggapan rangsangan yang diterima dari pancaindera yang kemudiannya diproses dan disimpan sebagai pengalaman mereka (Krishnan et al., 2020). Kenyataan ini juga disokong oleh Hamdi (2011), di mana pelajar pekak sukar memahami sesuatu yang bersifat abstrak.

Latar belakang pendidikan pelajar pekak dari SMPKV tidak memberikan impak yang terhadap penguasaan kemahiran fizikal mereka berbanding dengan pelajar dari SMK dan SMPK. Ini dapat dilihat dari keputusan dari Ujian ANOVA satu hala yang membuktikan bahawa latar belakang pendidikan tidak mempengaruhi penguasaan kemahiran fizikal pelajar pekak dalam bidang TVET melalui pembelajaran berasaskan pengalaman.

KESIMPULAN

Pendidikan buat pelajar pekak sememangnya sama penting dengan pelajar tipikal tetapi kaedah pembelajaran yang digunakan perlulah bersesuaian dengan kemampuan golongan istimewa seperti mereka. Maka, pembelajaran berasaskan pengalaman merupakan salah satu pendekatan yang terbaik untuk golongan ini dalam meningkatkan pemahaman dalam pembelajaran mereka terutamanya dalam kemahiran fizikal. Hasrat untuk memantapkan kemahiran fizikal golongan ini bukan sahaja perlu dilaksanakan oleh pelajar itu sendiri tetapi perlu bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang lain untuk mengangkat martabat pendidikan pelajar pekak dalam bidang TVET.

Justifikasinya, tenaga pengajar pendidikan khas dan penggubal kurikulum perlu membanting tulang dalam menyelesaikan permasalahan dan kekurangan penguasaan pelajar pekak dalam kaedah pembelajaran berasaskan pengalaman untuk mahir dalam kemahiran fizikal. Kajian ini telah membuktikan bahawa pelajar pekak kurang menguasai pembelajaran berasaskan pengalaman secara lengkap dan cuma mahir di takuk yang terawal. Dengan hasil dapatan daripada kajian ini, diharap dapat membantu serba sedikit dalam menyampaikan maklumat kepada pihak berkepentingan untuk melakukan penambahbaikan terhadap sistem pendidikan khas yang perlu dititikberatkan bagi melahirkan graduan pekak yang berkualiti tinggi, sekali gus, mampu membentuk generasi kompetitif dan berwibawa.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Nurul Aini binti Mohd Ahyan, selaku penyelia, kepada barisan pensyarah dan staf di Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Bahru iaitu Puan Siti Suhaila binti Samian, kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati dan kasihi, Encik Mohamed Nasir bin Abdul Rahman dan Puan Ramlah binti Aziz, kepada rakan sekelas dan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam

memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan kajian ini. Semoga penyelidikan dan kajian ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

RUJUKAN

- Dannels, W., Marshall, M., & Carrano, A. (2016). *Integration of Experiential Learning to Develop Problem Solving Skills in Deaf and Hard of Hearing STEM Students*. New York: National Science Foundation.
- Walker, J. P., & Rocconi, L. M. (2021). Experiential Learning Student Surveys: Indirect Measures of Student Growth. *Research & Practice in Assessment*, 21-35.
- Zulkifli, H., Mohd Rashid, S. M., Mohamed, S., Toran, H., Mohd Raus, N., & Suratman, M. N. (2022). Challenges and Elements Needed for Children with Learning Disabilities in Teaching and Learning the Quran. *Children*, 1469.
- Krishnan, I. A., Mello, G. D., Kok, S. A., Sabapathy, S. K., Munian, S., Ching, H. S., . . . Kanan, V. N. (2020). Challenges Faced by Hearing Impairment Students During COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 106-116.